

Pertandingan Robot Arduino dianjurkan buat julung kali di Sabah

UB 13.10.2014 A4

Oleh I.SAB KHAN
MUKARAB SHAH

KOTAKINABALU: Kementerian Pembangunan Sumber dan Kemajuan Teknologi Maklumat dengan kerjasama Politeknik Kota Kinabalu, Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan Kinabalu Coders menganjurkan Pertandingan dan Pameran Robot Arduino Roboneo Robo Go Green 2014 buat julung kalinya di Sabah.

Ketua Bahagian/Pegawai IT Bahagian Perkhidmatan Teknikal Disney El Lai berkata, pertandingan robot itu menyasarkan peminat robotik dari serata sekolah, institusi pengajian tinggi (IPT) serta komuniti masyarakat yang beminat dalam bidang berkenaan.


Menurutnya, pertandingan yang mendapat sambutan hangat daripada golongan belia berjaya mengumpulkan 12 kumpulan dari pelbagai latar belakang untuk berentap dalam pertandingan itu.

“Objektif utama kita adalah mencungkil bakat, kemahiran serta pengetahuan para peserta dalam bidang robotik yang mana sekiranya dikembangkan mampu dipraktikkan bukan sahaja mampu menembusi bidang pertanian tetapi juga dalam bidang lain,” katanya kepada media ketika ditemui pada Pertandingan dan Pameran Robot Arduino Roboneo Robo Go Green 2014, di sini kelmarin.

Sementara itu, Pensyarah Kejuruteraan Elektrik Politeknik Kota Kinabalu Julkifli Awang Besar berkata, idea bagi penganjuran pertandingan itu timbul apabila




SIRINGAN (tengah) mencuba menerbangkan salah satu modul helikopter.



DISNEY

menyedari tiada pertandingan robotik yang mengumpulkan semua bahagian belia yang minat kepada bidang itu untuk berentap dalam satu pertandingan.

Katanya, usaha itu adalah khusus untuk menyatupadukan semua peminat robot dalam satu



JULKIFLI

pertandingan dan sebagai langkah pertama untuk melangkah jauh dalam bidang itu.

“Kita juga bercadang akan menganjurkan lagi pertandingan sebegini pada setiap tahun dalam skala yang lebih besar khas buat para peminat,” katanya.

Pertandingan yang julung kali diadakan di Sabah itu menawarkan hadiah berupa set Helicopter UAV Multi Rotor Phantom 2 bagi pemenang tempat pertama dan set robot buat pemenang tempat kedua.

Turut diadakan pameran pelbagai jenis robotik daripada sembilan buah tempat pada pertandingan itu.

Pertandingan berkenaan disempurnakan oleh Menteri Pembangunan Sumber dan Kemajuan Teknologi Maklumat Datuk Siringan Gubat.

SIRINGAN (tengah) ketika melawat salah satu tapak pameran.

